



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

Minit Mesyuarat JMB MC Amansiara (2022/001)

Tarikh : 24hb Januari 2022

Tempat : Dewan Serbaguna, Rumah Kelab, Taman Amansiara

Masa/Hari : 8.30pm / Isnin

Hadir :

1. Abdul Salam Bin Ahmad Suhaimi (Pengerusi Interim) (279-B)
2. Law Siong Guan (Setiausaha Interim) (241-D)
3. Sin Chui Ling (Bendahari Interim) (228-B)
4. Ramesh A/L Sandiran (044-A)
5. Ng Wai Keat (118-B)
6. Michael Jude (125-A)
7. Soo Han Wei (034-D)
8. Lim Soon Cheong (059-A & 059-B)
9. Wan Muhammad Khairul Anwar Bin Ibrahim (402-D)
10. Tam Wei Lun (279-A)
11. Lim Chee Kiong (270-C)
12. Sauttary A/P D. Elumalai (016-D)

13. Alex Gunaseelan (Pekhidmat)

Tidak Hadir :

1. Kuah Poh Wei (Dengan sebab kesihatan) (117-A)





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

AGENDA

- (a) Isu kebocoran bumbung Fasa 2;
- (b) Ruang parkir & papan tanda amaran;
- (c) Masalah kesesakan jalan;
- (d) Perlantikan 3 jawatan utama;
- (e) Pelantikan penandatanganan bagi urusan institusi kewangan.

PERMULAAN

Mesyuarat bermula dengan ucapan daripada Encik Salam (pengerusi interim).

PERBINCANGAN

1. Isu Kebocoran Bumbung Unit di Jalan 3/1, 3/2 & 3/3.

- a) Encik Tam Wei Lun telah membangkitkan isu kebocoran bumbung yang dihadapi sebahagian penduduk dan bertanyakan penyelesaian yang harus diambil, sama ada harus dibaiki atau ditukar.
- b) Encik Ramesh mencadangkan jika untuk penggantian bumbung, pihak JMB akan memberi subsidi maksima sebanyak RM3,000.00 bagi setiap unit yang terbabit.
- c) Encik Law Siong Guan berpendapat, JMB harus menanggung keseluruhan kos penukaran bumbung kerana bumbung termasuk dalam kategori harta bersama.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

d) Anggota jawatankuasa kemudian mengundi dua usul yang telah dicadangkan:

Usul 1	Pihak JMB memberi subsidi maksima sebanyak RM 3,000.00 yang dicadang oleh Encik Ramesh Jumlah undi yang menyokong : 07 orang Jumlah undi tidak menyokong : 05 orang
Usul 2	Pihak JMB membiayai sepenuhnya kos pertukaran bumbung baru yang dicadangkan ole Encik Law Jumlah undi yang menyokong : 05 orang Jumlah undi tidak menyokong : 07 orang

Keputusan:

Anggota jawatankuasa bersetuju dengan usul 1 di mana JMB memberikan subsidi maksima sebanyak RM 3,000.00 kepada setiap unit yang terkesan.

e) Encik Ramesh a/l Sandiran juga mengusulkan agar kelapan-lapan unit yang telah dikenalpasti terkesan dengan kerosakan bumbung yang teruk dipanggil untuk berbincang berdasarkan ketetapan yang disetujui dalam mesyuarat.

Tindakan : Makmur Services





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

2. Ruang Parkir & Papan Tanda Amaran

a) Mesyuarat sebulat suara bersetuju agar ruang parkir terbuka di jalan 3/3 dan Jalan 1/8 dibuka dengan menghadkan ruang yang tersedia menjauhi kawasan tebing yang mengalami tanah runtuh. Papan tanda (kain rentang/ banner) akan dinaikkan bagi memberi amaran kepada penduduk tentang bahaya kemungkinan tanah runtuh. Puan Sin bertanggungjawab mencari sebutharga bagi papan tanda.

Tindakan : Puan Sin Chui Ling

b) Bagi Kawasan parkir terbuka Jalan 3/3, ia akan ditutup sementara sehingga difikirkan selamat. Encik Salam meminta Encik Alex membuat pemohonan kepada pihak TNB memotong pokok yang mungkin membahayakan pengguna ruang parkir tersebut.

Tindakan : Makmur Services





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

3. Masalah Kesusakan Jalan

- a) Encik Tam membangkitkan isu kesesakan jalan terutamanya pada waktu puncak iaitu pada awal pagi dari jam pukul 6.30 pagi hingga 7.30 pagi. Beliau mencadangkan agar alat pembaca kad (card reader) dipasang di lorong hala keluar sebelah kiri supaya kedua-dua lorong boleh digunakan dengan sempurna dan lebih efisien.
- b) Encik Alex telah menerangkan dengan membuka kedua-dua lorong Ketika kereta berpusu-pusu keluar mungkin boleh mengakibatkan kemalangan kerana keadaan jalan sejeurus melepasi palang penghalang.
- c) Encik Alex juga telah memberi penerangan kepada mesyuarat bahawa kesesakan tersebut adalah keadaan berulang yang berlaku pada setiap semester pembukaan persekolahan dan juga setiap pertengahan bulan apabila kesekatan kad akses dijalankan. Terutamanya pada bulan Januari di mana caj insurans dan cukai taksiran rumah kelab dicajkan dalam akaun penyelenggaraan unit masing-masing.

Beliau mencadangkan agar satu kajian corak kesesakan jalan dilakukan selama beberapa bulan untuk menilai tahap kesesakan sebelum membuat keputusan pemasangan alat pembaca kad tambahan.

Mesyuarat bersetuju untuk membuat kajian corak kesesakan selama 3 bulan bermula pada bulan Mac 2022.

Tindakan : Anggota Jawatankuasa & Makmur Services





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

4. Isu Pengesahan Jawatankuasa JMB oleh COB

- a) Encik Alex telah menerangkan kepada mesyuarat keperluan-keperluan khusus yang perlu diambil tindakan oleh barisan anggota jawatankuasa baru untuk disahkan oleh COB.
- b) Encik Wan Muhammad Khairul Anwar telah mengesyorkan agar dibuat pemilihan dan undian semula mengikut tatacara yang disepatutnya.

Bagi jawatan Pengerusi, berikut adalah nama yang dicadangkan:

Calon: Encik Ramesh A/L Sandiran	Jumlah Undian:
Pencadang: Encik Wan Muhammad Khairul Anwar Penyokong: Encik Lim Soon Cheong	06/12
Calon: Encik Abdul Salam Bin Ahmad Suhaimi	Jumlah Undian:
Pencadang: Encik Tam Wei Lun Penyokong: Puan Sauttary Elumalai	04/12

Bagi jawatan Setiausaha, berikut adalah nama yang dicadangkan:

Calon: Encik Law Siong Guan	Jumlah Undian:
Pencadang: Encik Tam Wei Lun Penyokong: Puan Sin Chui Ling	04/12
Calon: Encik Michael Jude	Jumlah Undian:
Pencadang: Encik Ramesh a/l Sandiran Penyokong: Encik Wan Muhammad Khairul Anwar	06/12





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

Bagi jawatan Bendahari, Encik Law mencalonkan Puan Sin Chui Ling dan disokong oleh En Lim Soon Cheong. Mesyuarat sebulat suara dengan 11 undian menyokong pelantikan Puan Sin sebagai bendahari.

Keputusan senarai nama pemegang jawatan utama:

Pengerusi	Encik Ramesh A/L Sandiran
Setiausaha	Encik Michael Jude
Bendahari	Puan Sin Chui Ling





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

5. Resolusi Penandatanganan Cek Pembayaran

a) Encik Ramesh telah membentangkan keperluan melantik penandatanganan cek yang akan melibatkan kumpulan pemegang jawatan utama dan juga anggota biasa di dalam JMB.

Oleh demikian, Encik Ramesh mencadangkan agar resolusi penandatanganan cek seperti berikut:

Kumpulan A	Kumpulan B
Pengerusi, Setiausaha, Bendahari	Para anggota JMB
Mana-mana 2 orang daripada pemegang jawatan utama	Salah seorang daripada 2 anggota yang dilantik

Setelah membuat perbincangan, anggota jawatankuasa yang hadir bersetuju dengan sebulat suara untuk meluluskan resolusi penandatanganan cek, iaitu cek pembayaran akan ditandatangani oleh tiga anggota JMB, dengan mana-mana dua daripada pengerusi, setiausaha atau bendahari, dan mana-mana seorang dari dua anggota biasa yang dilantik.

b) Bagi pelantikan kumpulan B penandatanganan cek, 2 nama telah dicadangkan seperti berikut:

Calon: Encik Law Siong Guan Pencadang: Encik Tam Wei Lun Penyokong: Encik Ramesh	Jumlah Undian: 11/12
Calon: Encik Tam Wei Lun Pencadang: Encik Linm Soon Cheong Penyokong: Puan Sauttary	Jumlah Undian: 11/12





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan nama yang dicadangkan.

c) **Keputusan bagi Penandatanganan Cek adalah seperti berikut:**

Kumpulan A	Kumpulan B
Encik Ramesh A/L Sandiran Encik Michael Jude Puan Sin Chui Ling	Encik Law Siong Guan Encik Tam Wei Lun
2 daripada 3 pemegang jawatan utama JMC (JMB)	1 daripada 2 anggota JMC (JMB)

d) Satu surat pengakuan kepada pihak bank bersama-sama dengan minit mesyuarat akan disediakan untuk membuat pertukaran nama dan tandatangan.

Tindakan: Setiausaha JMB





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

PENUTUP

Pengerusi mesyuarat mengucapkan terima kasih kepada anggota jawatankuasa yang hadir dan mengucapkan tahniah kepada anggota yang baru dilantik. Mesyuarat ditamatkan pada jam 12.30am.

Disediakan oleh:

(Michael Jude)

Pencatat Minit Mesyuarat

Diluluskan oleh:














(Ramesh A/L Sandiran)

Pengerusi Mesyuarat



Tandatangan Kehadiran - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan

Tarikh & Masa: 24/1/2022, 8-30pm

No.	Nama	Tandatangan
1	Abdul Salam Bin Ahmad Suhaimi	
2	Law Siong Guan	 8.35pm
3	Sin Chui Ling	
4	Lim Soon Cheong	
5	Wan Muhammad Khairul Anwar Bin Ibrahim	
6	Sauttary A/P D. Elumalai	
7	Soo Han Wei	
8	Tam Wei Lun	
9	Kuah Poh Wei	
10	Lim Chee Kiong	
11	Ng Wai Ket	
12	Michael Jude	
13	Ramesh A/L Sandiran	
14		

